

BAB V

PROSEDUR PENGENALAN AHLI WARIS DAN PEWALIAN

5.1 Latar Belakang dan Objektif

Tidak ada suatu definisi yang tetap untuk memahami Jawatankuasa ahli-ahli kampung dalam konteks *Manual Pendaftaran Tanah Berasaskan Masyarakat Lokasi Terkena Bencana Tsunami*, sebaliknya definisi dan konsep ahli-ahli jawatankuasa sepertimana yang telah diterima dalam Peraturan Daerah nombor 7 tahun 2000, Kanun nombor 5 tahun 2003 dan Kanun nombor 4 tahun 2003, yang terhad setakatmana kepadanya dianugerahi kuasa dalam bidang pentadbiran kampung sahaja. Ketua kampung sentiasa berkeupayaan untuk memberikan kemudahan dan perkhidmatan kepada penduduk sesebuah kawasan, makna seperti ini orang ramai mengetahui.

Dalam *Manual Pendaftaran Tanah Berasaskan Masyarakat Lokasi Terkena Bencana Tsunami*, ketua kampung memperolehi kuasa untuk mengiktiraf status pengesahan pewarisan dan pewalian yang berimpak kepada pemilikan setiap individu pemohon terhadap hak atas tanah dalam sebuah kawasan. Walaupun pengiktirafan status pemilikan atas tanah impak daripada pertukaran nama dilakukan berdasarkan peranan ketua kampung tempatan ini adalah samaada pihak yang pertanggungjawapan ke atas kebenaran ada dalam dirinya.

Isunya adalah manakala berlaku pertelingkahan diantara waris kepada kedua-dua pihak, maka bagaimana kedudukan ketua kampung berbidangkuasa untuk menyelesaikan perselisihan dan memutuskannya. Walaubagaimanapun dari segi praktisnya bertindak sebagai pentadbiran daripada pewarisan dan pewalian adalah kuasa dan bidangkuasa mahkamah dalam islam dan undang-undang negara.

Dalam konteks persoalan kuasa dan tugas ketua kampung dalam program *Manual Pendaftaran Tanah Berasaskan Masyarakat Lokasi Terkena Bencana Tsunami*,

adakah sipemohon yang mengemukakan pengiktirafan status pemilikan atas tanah adalah benar-benar sebagai pemegang hakmilik yang sah. Berdasarkan hal-hal disebutkan di atas maka dalam bab V ini, penulis cuba untuk menghuraikan dan menghubungkan daripada pewarisan dan pewalian dengan ketua kampung dalam pendaftaran tanah selepas tsunami melalui pemulihan hak atas tanah.

5.2 Ketua dan Ahli-Ahli Jawatan Kuasa Kampung

Peranan penyertaan ketua kampung dan ahli-ahli jawatankuasa dalam mewujudkan bersetujuan antara pemilik tanah adalah penting menghasilkan musyawarah kampung dan kesepakatan seluruh pemilik tanah atau ahli warisnya. Penetapan sempadan tanah harus berdasarkan kepada pengetahuan pemilik tanah dan sejauh mungkin atas kesepakatan dengan pemegang hak ke atas tanah yang sebelah berdampingan bersempadaan. Manakala perundingan kesepakatan tidak dapat diperolehi antara bersesama pemegang hak ke atas tanah bersangkutan dengan pemegang hak ke atas tanah yang bersempadan, pengukuran lot-lot tanah dilakukan berdasarkan sempadan yang menurut kenyataannya merupakan sempadan tanah yang bersangkutan.

Namun demikian ia tidak jauh berbeza dengan Peraturan Pemerintah nombor 24 tahun 1997 tentang pendaftaran tanah yang menegaskan bahawa sekiranya pelan lokasi peta tidak sesuai lagi dengan keadaan yang sebenarnya akan dibuat berdasarkan dipersetujui pihak-pihak pemegang hakmilik tanah yang bersempadan berdampingan.⁹⁹ Namun kemudian terjadi usaha untuk pengurus pentadbiran awam sebagai unit pemerintahan dengan memperkenalkan istilah kampung dan menghilangkan jawatan hulubalang manakala berkuatkuasanya Undang-Undang nombor 5 tahun 1979 tentang

⁹⁹Peraturan Pemerintah No 24 tahun 1997 tentang Pendaftaran Tanah Fasal 18 Paragraf 3 dengan judul Penetapan Batas Bidang-Bidang Tanah.

Pemerintahan Desa yang telah menjadikan kampung sebagai unit pentadbiran pemerintahan di bawah kawasan wilayah.

Sebagai ketua kampung, ia merupakan jawatankuasa pentadbiran pemerintahan di peringkat kampung dan ianya tertakluk kepada kewajipan, perintah dan mana-mana undang-undang negeri terhad jika dibandingkan dengan kekuasaan mukim dan ketua kampung zaman dahulu mempunyai legitimasi daripada kerajaan dan diakui oleh komuniti. Sesungguhnya, garis panduan dalam pendaftaran tanah sama ada sesuatu perakuan mengikat semua kewajipan dan apa jua keputusan yang diambil untuk memberikan beban undang-undang kepada ahli-ahli jawatankuasa dan ketua kampung dalam pemuliharaan hakmilik tanah, adalah:

- a. Menjadi saksi di muka undang-undang terhadap persetujuan pewalian dan memindah milik atas tanah kerana pewarisan yang letak objek dan subjek hak kawasan tempatan kampung; dan
- b. Mengadakan kesepakatan komuniti pemilik tanah atas perselisihan yang timbul dan mengkoordinasi komuniti atas menyenggarakan pentadbiran pendaftaran tanah, walaupun secara formaliti atau prosiding perundingan telah memenuhi syarat tetapi manakala keputusan yang dihasilkan dilandasi oleh tekanan maka ia tidak boleh dikatakan bahawa telah tercapai kesepakatan kerana tekanan itu merupakan pemaksaan kehendak atau kecacatan.

Manakala pihak-pihak ketiga tidak diharapkan mengetahui perbuatan itu. Autoriti yang dimiliki oleh lembaga kampung bukan pihak yang bertanggungjawab di muka undang-undang atas kebenaran milik memohon hak, tetapi memberikan keterangan yang bersifat *deklaratif* dan menerangkan bahawa benar objek petak lot-lot tanah terletak dalam kawasan kampung tempatan, ia berlaku manakala bukti haknya tidak ada.

Proses penyelesaian perselisihan dalam komuniti Banda Aceh dikenali dengan cara berperingkat-peringkat penyelesaiannya, ianya berfungsi sebagai saluran adat dalam campur tangan proses penyelesaian pertikaian dengan melibatkan unsur ketua dan ahli-ahli jawatankuasa kampung melalui undangan atau diminta oleh kedua-dua belah pihak yang sedang bersengketaan. Dengan cara perundingan bermuafakat dengan jalan perdamaian dan autoriti unsur ketua dan ahli-ahli jawatankuasa kampung semasa menyelesaikannya, ia tidak bersifat memutus tetapi hanya berupaya untuk mendamaikan pihak-pihak sedang bertelingkahan. Ahli-ahli jawatankuasa dan ketua kampung tidak mempunyai kuasa untuk menghalangi pihak-pihak yang berkepentingan yang tidak dapat menerima penyelesaian perdamaian dibuat semasa perjumpaan keluarga dan unsur lembaga adat, mereka akan mengemukakan bantahan dan dakwaan ke hadapan majistret. Ketua kampung, dalam kuasa tanah dapat dikenalpasti berperanan untuk:

- a. Mengeluarkan surat keterangan tanah;
- b. Menjadi saksi dalam perbuatan urusan tanah yang belum berdaftar;
- c. Berperanan dalam penyiasatan riwayat tanah dalam pentadbir tanah, penyediaan risalah berita acara dalam proses bermilik hak atas tanah negara dan penyediaan tanah; dan
- d. Mengeluarkan surat keterangan waris.

Kesan dengan berkuatkuasanya Undang-Undang Nomor 5 Tahun 1960 tentang Peraturan Dasar Pokok-Pokok Agraria (Undang-Undang Nombor 5 tahun 1960 tentang Undang-Undang Asas Tanah), kedudukan ketua kampung sesungguhnya secara yuridikal formaliti telah kehilangan fungsinya dalam urusan tanah. Peranan ahli-ahli jawatankuasa kampung sebagai lembaga adat dalam urusan tanah hanya terbatas untuk

tanah-tanah yang belum dilaksanakan konversi dalam hak menurut Undang-Undang Nomor 5 Tahun 1960 tentang Peraturan Dasar Pokok-Pokok Agraria (Undang-Undang Nombor 5 tahun 1960 tentang Undang-Undang Asas Tanah) itu atas dasar autoriti yang diberikan oleh negara. Dalam pembahagian harta pusaka, ahli-ahli jawatankuasa dan ketua kampung berkedudukan sebagai pihak yang diwajibkan mengawasi daripada semua ahli waris mendapatkan bahagian hak masing-masing. Untuk membolehkan aktiviti ketua kampung melaksanakan tugas dan menjalankan kuasanya yang diperuntukan sebagai keanggotaan dalam mengurus pendaftaran tanah dengan baik dan berkesan adalah memegang jawatan, seperti berikut:

- a. Melibatkan diri dalam persoalan penyelesaian pertikaian atau konflik ke atas milikan tanah dan melibatkan diri dalam urusan tanah menjadi saksi bagi tanah takberdaftar;
- b. Bertindak sebagai saksi kerana pengetahuannya mengenai riwayat asal hak atas tanah dan menjalankan fungsinya sebagai pihak yang mengesahkan memindahmilik atas pemegangan tanah, mengeluarkan surat keterangan waris, dan surat keterangan atas tanah; dan
- c. Berperanan dalam penyiasatan atas asal sejarah riwayat tanah atau sebagai anggota perbadanan pengurusan darihal pendaftaran tanah, menyediakan berita acara siasatan untuk menyenggarakan mesyuarat proses pemberian hak atas tanah penguasaan negara.

Beban dalam kes ini untuk menunjukkan setakatmana yang dinyatakan dalam peraturan perundangan, bagi mentafsirkan kedudukan ketua kampung memegang dua bidangkuasa yang dipertanggungjawabkan mengenai pengerusi mentadbir tanah setelah berkuatkuasa Undang-Undang Nomor 5 Tahun 1960 tentang Peraturan Dasar Pokok-Pokok Agraria (Undang-Undang Nombor 5 tahun 1960 tentang Undang-Undang

Asas Tanah). Dalam kedudukannya sebagai bahagian pemerintahan negara, ketua kampung diberikan peranan tertentu dalam urusan tanah. Berkenaan dengan peranan penglibatan ahli-ahli jawatankuasa adat dalam memindahmilik adalah merupakan tindakan undang-undang yang mendapat perlindungan undang-undang dan berkuatkuasa terhadap pihak ketiga, prosidur yang digunapakai dalam mana-mana prosiding pembuatan undang-undang tanpa bantuan pihakberkuasa adat dianggap perbuatan melanggar adat, sekiranya tiada penyertaan ketua kampung atau tanpa bantuannya, maka perjanjian itu tidak dapat dikuatkuasakan terhadap pihak ketiga. Akan tetapi, setelah berkuatkuasa Undang-Undang Nomor 5 Tahun 1960 tentang Peraturan Dasar Pokok-Pokok Agraria (Undang-Undang Nombor 5 tahun 1960 tentang Undang-Undang Asas Tanah), peranan penglibatan ketua dan ahli-ahli jawatankuasa kampung dalam urusan tanah mengalami perubahan. Dimana perjanjian memindahmilikan itu tidak perlu dikemukakan semula untuk kelulusan atau tidak lagi berperanan yang berkenaan untuk mengesahkan perkara urusanniaga atau memindahmilikan atas tanah. Ketua dan ahli-ahli jawatankuasa kampung hanya melakukan penguatan dan mengesahkan suratcara pembuktian hakmilik ke atas tanah dan memberikan keterangan kedudukan objek tanah.

Adalah penting untuk diperhatikan bahawa dokumen bertulis di keadaan mangsa tsunami, ketua kampung tidak mengetahui secara tepat jumlah lot-lot tanah yang dimiliki oleh komuniti tempatan yang melaksanakan urusanniaga secara bebas kepada pihak di luar kelompok komuniti kampung. Namun begitu tiada peruntukan dibuat untuk pindaan jumlah bilangan pemegang hakmilik bagi semua petak lot tanah, dalam perjalanan pemulihan hak, urusannya menunjukkan masih terdapat tanah yang tidak diketahui siapa pemilik yang berhak ke atas tanah. Ini dibenarkan kerana ahli-ahli jawatankuasa dan ketua kampung belum berani menunjuk milikan lot-lot tanah itu. Sekalipun disedari bahawa terdapat amalan yang berbeza-beza antara satu kampung

dengan kampung yang lain, di mana ketua kampung lebih menekankan perdamaian antara pihak dengan cara musyawarah atau berkompromi di antara mereka berdasarkan suatu pembuktian dengan jalan mengumpulkan keterangan saksi yang masih hidup untuk menjelaskan secara pasti akan kebenarannya.

5.3 Pewarisan Harta Pusaka

Pindahmilik wujud melalui pewarisan dan merupakan suatu proses penerusan penguasaan ke atas tanah melalui memindahmilik yang difailkan oleh pentadbir tanah, terlepas daripada ikatan pengaruh hak pertuanan pemilikan adat. Ia tidak tertakluk dengan kelulusan pengarah tanah atau jawatankuasa pertanahan, mahupun menjejaskan pecahbahagi keseluruhan petak tanah. Ia hanya wujud dengan operasi kedudukan harta tanah daripada menempatkan penghibahan di samping wasiat, pewarisan tanpa ada wasiat, pusaka yang tetap tidak dibahagikan, dan pembahagian harta pusaka atas kesahan, sebagai ahli waris. Penerimaan kriteria sedemikian bermakna bahawa bersesuaian bahagian harta pusaka masing-masing oleh ahli waris dengan autoriti untuk menolak seseorang ahli waris daripada menerima bahagian harta pusaka.

Persoalan yang timbul adalah, hak mendahului atas pelunasan akaun-baki hutang simati dimasukkan dalam harta pusaka bagi maksud apa jua bentuk hakmilik gadai janji berdaftar dengan nyata atas nama simati. Ia tiada satu memperuntukkan terhadap lot-lot benefisiari atau pemegang gadai janji sebagai tuannya, kerana tertakluk kepada mana-mana perjanjian hutang-piutang bertulis menghalang subbahagi. Tiada sesiapa pun atau di antara ahli waris satu sama lain berkuasa dengan budibicara dalam menghalang pecah sempadan boleh memerintahkan bahawa bahagian boleh dibahagi yang tak dipecahkan dalam apa-apa tanah atau lot kecuali pihak pemegang gadaian.

Tafsiran terhadap borang kesepakatan tidak menjamin ianya telah memindahmilik dalam pembahagian daripada harta pusaka. Walaubagaimanapun, sekiranya tidak dibawa dengan memberi notis rayuan dimulakan dan difailkan dalam prosiding-prosiding di hadapan mahkamah suatu peristiwa daripada penetapan sebagai ahli waris dan penetapan pembahagian masing-masing menurut perhitungan pihak ahli waris dalam rayuan keseluruhan warisnya menurut undang-undang mengakibatkan rayuan tersebut terbatal atau tidak sah.

Terdapat perenggan dalam manual pendaftaran tanah tentang berkenaan pindahmilik terjadi kerana pewarisan di mana pemilik tanah sudah tiada lagi. Penaipan borang surat pernyataan berkenaan bersesama bersetuju ke atas semua pihak-pihak ahli waris untuk mengeluarkan perintah pembahagian dan seterusnya mendapat pengesahan daripada ketua dan ahli jawatankuasa kampung,¹⁰⁰ ini adalah kerana pengiktirafan persetujuan pewarisan tidak menjadi relevan.

Mekanisme yang harus ditempuh bagi ahli waris mangsa tsunami untuk membuktikan bahawa dirinya adalah mempunyai hak atas harta pusaka atau sebagai subjek hak atas tanah dengan membuktikan lebih dahulu bahawa ia benar-benar sebagai ahli waris yang berhak atas hartabenda simati. Terdapat dua lembaga yang dapat digunapakai dalam pembahagian harta pusaka, dan kebiasaan yang berlaku dalam kehidupan komuniti Aceh, secara umumnya:

a. Forum kampung (majlis pembahagian warisan)

Penetapan ahli waris melalui forum kampung dilakukan dalam hal ahli waris dikenali oleh komuniti kampung setempat atau diketahui garis nasab daripada simati dengan cara dilakukan penetapan pewarisan oleh majlis pembahagian warisan

¹⁰⁰Manual Pendaftaran Tanah Berbasis Masyarakat di Lokasi Bencana Tsunami di Propinsi Nanggroe Aceh Darussalam dan Sumatera Utara, 2005, Badan Pertanahan Nasional, h. 59.

kampung dengan berasaskan musyawarah pemuafakat antara ahli waris. Majlis ini dipimpin oleh ahli-ahli jawatankuasa kampung atau tokoh agama yang ada. Setelah usia kematian pemunya ke atas tanah telah memasuki hari ke empat puluh empat, kebiasaan dilakukan kenduri dihadiri oleh komuniti kampung, dan pihak ahli waris telah terlebih dahulu melakukan perundingan terhadap harta pusaka.

b. Mahkamah Syariah

Bagi ahli waris, sekiranya identitinya tidak dikenal oleh komuniti kampung tempatan, maka prosiding undang-undang digunapakai untuk membuktikan bahawa bagi orang yang berhak sebagai ahli waris membuat tuntutan kepada Mahkamah syariah. Penetapan ahli waris yang berhak atas tanah mangsa tsunami ini harus dilakukan secara cepat dengan mematuhi peraturan-peraturan pembuktian. Jika kesemua pihak-pihak pemilik hak telah bersetuju dan ditaipkan borang penguasaan fizikal lot-lot tanah yang dianggap sebagai legaliti pemilikannya akan dikemukakan kepada pentadbir tanah.

Tertakluk kepada sesuatu peruntukan nyata yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis, setakatmana maklumat fakta pengakuan secara bersesama bersetuju diterima boleh dibuktikan sama ada maklumat itu salah atau benar, menjadi relevan sebab ia adalah dalam acara sivil Mahkamah syariah.¹⁰¹ Oleh sebab itu, autoriti daripada penetapan ahli waris hanya terdapat dalam lingkungan Mahkamah syariah yang memiliki kaedah pembuktian yang jelas.¹⁰² Istilah persetujuan pewarisan dan persetujuan pewalian menjadi tidak relevan adalah kerana tidak mendapatkan

¹⁰¹Fasal 54 undang-undang nombor 7 tahun 1989 dan Fasal 115 HIR dan Fasal 143 RBG, Fasal 55 menyatakan: ... Pemeriksaan perkara di pengadilan baru dapat di mulai sesudah dikemukakan permohonan.

¹⁰²Undang-undang nombor 3 tahun 2006 tentang perubahan undang-undang nombor 7 tahun 1989 tentang majistret agama, Fasal 2 dan Fasal 49(1), kemudian di pertegas dalam penjelasan umum, angka 2 alinea ketiga yang berbunyi: Majistret agama merupakan majistret tingkat pertama untuk memeriksa, memutus dan menyelesaikan perkara-perkara antara orang-orang yang beragama islam di bidang perkahwinan, kewarisan, wasiat, hibah, wakaf, shadaqah berdasar hukum islam.

kejelasan mekanisme prosiding, selepas pengeluaran persetujuan, untuk membuat suatu permohonan difailkan atas bertukar nama pemegangan tanah untuk didaftar.

Jelas berhubung dengan fakta didapati secara demikian kerana ketakmasukkan sekatan-sekatan nyata dalam kepentingan memerlukan suratkuasa mentadbir bagi undang-undang lain kepada kes penyenggaraan pindaan pemegangan yang mana hanya dengan pengubahsuaian senarai nama pemilik. Ini tidak begitu penting, kerana pengakuan boleh diberi daripada hasil sesuatu penipuan yang dilakukan ke atas borang bagi bertujuan untuk mendapatkannya, selain itu amaran menyatakan demikian dalam pemberimilik hak ke atas tanah melalui pemulihan hak tanah tsunami. Tetapi ia disebabkan oleh hal yang munasabah dalam keadaan perkara terlalu rumit yang melibatkan persoalan undang-undang sehingga menjejaskan kepentingan pihak ketiga. Berkenaan dengan orang ketiga yang berhak didaftarkan sebagai pemunya pemegangan atas tanah untuk mendapatkan suratkuasa daripada pemunya asal sebagai tersenarai nama menjalankan mentadbir tanah didaftar dalam sijil hakmilik sebagai tanda bukti hak dan milikan memerlukan kuasa undang-undang menjalankan persetujuan sebagaimana borang dibahagikan oleh pegawai pentadbir tanah. Namun demikian, menjadi persoalan adalah manakala terdapat tuntutan perselisihan diantara keluarga yang berhak atau konflik pindahmilik daripada pewalian dan pewarisan harta pusaka, pentadbir tanah tiada kuasa memberi arahan dan menasihatkan pemohon untuk merujuk perkara itu ke mahkamah.

Misalan, senarai semak urusan pendaftaran pindahmilik berdasar perintah-perintah pembahagian harta pusaka melalui borang bersetujuan, ia dibuat sebagai kewajipan kepentingan ahli waris atas pembahagian dalam setiap petak tanah. Demikian juga, berhubung pewarisan untuk meletakhak pemegangan tanah, tidak disertakan dokumen-dokumen yang relevan dilampirkan dan dikemukakan kepada pentadbir tanah, adalah suatu kesalahan atas apa-apa perubahan secara borang dilakukan samaada

melulus kepada dokumen hakmilik. Secara analoginya, pengeluaran surat tanda bukti hak atas milikan berkaitan dengan memecah bahagi sempadan atau pindahmilik berdasarkan pembahagian harta pusaka adalah mengikut kepada mana-mana jenis hak pemilikan yang sediaada pada masa sebelum tsunami, kerana membawa kepada kesilapan dokumen hakmilik atau menjadi bercanggahan undang-undang. Walaupun pengeluaran hakmilik memberi masa kepada pihak-pihak yang berkepentingan mengemukakan dakwaan atau tuntutan atas objek tanah yang didaftar. Penetapan waris yang sah tertakluk kepada penghakiman Mahkamah syariah atau permohonan seseorang ahli waris simati untuk menetapkan siapakah para ahli waris berkenaan dan ianya merupakan keputusan biasa Mahkamah syariah yang dapat dimintakan tuntutan balik, dan dalam apa-apa perintah penetapan ini tidak boleh ditetapkan perintah bagi pembahagian bahagian ahli waris jika tidak diminta. Walaubagaimanapun mengikut tafsiran fasal 236a Herziene Indonesische Reglement, menyatakan:

“Penetapan Mahkamah syariah, untuk memenuhi permohonan agar ditetapkan siapakah ahli waris daripada seorang peninggal pusaka berdasar atas fasal 236a Herziene Indonesische Reglement dan bersifat pemberi pertolongan kepada ahli waris dan maka daripada itu tidak takluk kepada pindaan Mahkamah Agung.”

Dalam amalan memindahmilik itu dipengaruhi oleh perbuatan yang sah atas keputusan yang diambil oleh pihak yang menuntut hak melalui pemilikan bertentangan terhadap lot tanah menjadi pemilik harta pusaka tanah. Ia membawa kepada persoalan adakah hakmilik akan tetap atau untuk sementara sebagai hartanah yang tidak terbahagi-bahagi atau akan dibahagi-bahagikan sesama ahli waris menurut aturcara syariah di mana pewarisan itu terjadi dalam masa sebelum tsunami. Secara undang-undang adat Indonesia dalam tertib harta pusaka bermacam-macam bentuk harta pusaka dibahagi-bahagi secara turun menurun, penggantian tempat, patrilineal dan materianeal yang memiliki beberapa kategori.

Dengan demikian hartanah yang tergolong dalam harta pusaka yang belum terbahagi-bahagi dan tidak dilakukan oleh semua ahli waris tidak wujudnya borang bersetuju pewarisan. Satu peruntukan berkenaan senarai nama pemunya asal atas nama simati, tidak dipenuhi sesuatu permohonan memecah bahagi sempadan lot-lot tanah diluluskan manakala ia tidak tertakluk kepada mana-mana syarat pembuktian. Isu pentadbiran pemulihan hakmilik tanah iaitu mekanisme memindahmilik harta pusaka akibat pewarisan, mengenakan dan memberikan kepada sistem pewarisan adalah bersesuaian dengan sistem pewarisan dalam al-Qur`an iaitu sistem bilateral atau parental. Penyenggaraan bagi semua perbahagian hartanah secara berkadar mengikut keturunan yang mendapat harta pusaka adalah pada garis keturunan bapa atau garis keturunan ibu, walaupun dalam pembahagian harta pusaka menurut undang-undang adat Aceh, maka dasarnya adalah perdamaian.

Ertinya, kewajipan dan kuasa menjalankan pengurusan harta peninggalan itu bersesuaian dengan prinsip yang memberikan rasa damai kepada semua pihak yang berhak ke atas hartabenda itu. Dalam hal warisan milik tanah yang akan dilakukan pendaftaran memohon hak, memindahmilikan dan memecahbahagi atas lot-lot tanah akibat pewarisan semua ahli waris mempunyai hak atas hartanah. Namun demikian, suami tidak mempunyai hak ke atas warisan yang diperolehi daripada orang tua si isteri.

Pihak-pihak ahli waris menurut Kitab Undang-Undang Hukum Perdata telah dinyatakan dengan peristiwa undang-undang bahawa seseorang yang telah mati, dan mereka yang diduga sebagai ahli warisnya daripada seseorang atas nama siapa sesuatu hak telah didaftarkan atas tanah, berkewajipan membuktikan hak mereka dengan menyerahkan suatu pernyataan tentang adanya hak atas warisan setelah kematian atau dugaan kematian pewaris dibuktikan. Pernyataan tentang hak waris harus disertai dengan suratcara salinan yang dapat menguatkan dokumen-dokumen catitera bertulis telah terjadi peristiwa pindahmilik.

Meskipun surat penetapan ahli waris yang diberikan oleh Mahkamah syariah tidak ada dasar undang-undang, namun dengan niat baik dapat diterima asal surat keterangan ahli waris atau surat keterangan pembahagian pusaka dengan perdamaian itu berisikan berdasarkan diperiksabalas dalam pembuktian. Ada dua katagori persoalan waris yang dihadapkan kepada Mahkamah syariah, iaitu:

- a. Jika mana-mana orang Islam telah mati tanpa wasiat meninggalkan suatu harta pusaka, maka ahli keluarganya menuntut mempunyai kepentingan dalam harta pusaka sebagai ahli waris berkenaan bagi surat mentadbirkan pembahagian harta pusaka telah difailkan di Mahkamah syariah dengan asasan di kampungnya tidak ada orang yang dianggap ahli tentang cara pembahagian harta warisan menurut undang-undang Islam. Dalam katagori ini tidak ada persengketaan atau konflik atas harta pusaka, melainkan suatu perintah dibuat oleh mahkamah mengarahkannya membahagikan harta pusaka atau diminta fatwa penetapan pembahagiannya masing-masing ahli waris. Proses permintaan fatwa dilaksanakan berdasarkan permohonan dan saksi-saksi menerangkan pembicaraan di hadapan Mahkamah syariah atas memecahbahagi harta pusaka;
- b. Daripada perkara warisan telah difailkan dalam Mahkamah syariah mengenai persoalan harta pusaka yang benar-benar bersifat persengketaan. Hal ini dibatasi dan tertakluk kepada mahkamah di Indonesia yang hendak menjejaskan lotkuasa untuk menyatakan sebagai *yurisdiksi kontentiosa*. Surat keterangan waris tidak memiliki persamaan berkenaan dengan dokumen catitera bertulis pernyataan tentang hak waris. Mana-mana orang atas nama siapa sesuatu hak itu, berkewajipan membuktikan hak mereka dengan memaksa pengemukakan dan penghantarserahan kepada semua dokumen darihal pernyataan tentang hak atas menuntut mempunyai kepentingan dalam harta pusaka sebagai ahli waris untuk keperluan balik nama pemilikan tanah. Dalam hal penerima warisan lebih daripada satu nama orang dan

pendaftaran pemindahmilikkan didaftarkan disertai dengan dokumen catitera bertulis pembahagian pusaka yang memuat keterangan bahawa hak atas tanah atau hakmilik tertentu jatuh kepada seorang penerima waris berdasarkan surat tanda bukti sebagai ahli waris dan pembahagian waris, manakala tidak terdapatnya peran serta daripada Pejabat Pembuat Dokumen Catitera Bertulis Tanah.

Sememangnya asas terdapat di dalam pembahagian hartabenda dinyatakan berpandukan prinsip kerukunan dan kepatutan. Manakala terjadi pertikaian yang tidak dapat didamaikan di antara pihak-pihak yang berhak atas harta pusaka simati tentang pembahagian, maka pengurusannya diselesaikan dengan menggunakan prinsip-prinsip yang lebih pasti dalam memecahkan harta. Jalan yang ditempuh dalam pengurusannya dibuat berdasarkan prinsip-prinsip yang terdapat dalam undang-undang fiqh dengan tetap berpegang kepada perdamaian. Mengurus dan mentadbir harta pusaka tertakluk kepada undang-undang fiqh, iaitu memisahkan harta pusaka dalam berbagai-bagai macam harta menurut asal-usulnya yang menjadi relevan. Pemisahan pelbagai macam hartabenda untuk menentukan hartabenda yang harus kembali dan hartabenda yang harus dikeluarkan daripada tindakan pembahagian disebut faraid.

Kedudukan asal usul akan menentukan bahagian-bahagian dalam pengurusan harta pusaka, terdapat perbezaan dengan daerah lain. Manakala ahli waris lebih daripada satu orang maka ianya menjadi seseorang pemilik berkongsi daripada harta pusaka yang ditinggalkan oleh simati. Dalam hal untuk melihat hubungan antara silsilah asal mula perolehan tanah dengan perletakhak dan liabiliti simati, disenaraikan untuk mengetahui tentang segala prosedur berhubung dengan pembahagian harta pusaka simati. Senarai nama yang tercatat dalam rekod catitera buku hak mengikuti daripada siapa pemilik tanah.

Kedudukan perempuan dan lelaki pada komuniti kampung pada dasarnya adalah sama atau seimbang. Hal ini berkait dengan sistem kekerabatan yang bilateral. Walaupun ada yang bersesuaian dengan perkembangan sosial dan mekanisme tradisional dalam penguasaan tanah, peranan kedua-duanya dalam satuan sosialnya telah menjadi kebiasaan yang terinternalisasi ke dalam amalan secara ideasional komuniti. Secara normatif undang-undang yang mengatur kewarisan juga menumpang peranan perempuan dan lelaki yang mempunyai hak terhadap pusaka atas tanah menurut garis perolehan atas tanah yang matrilineal dan patrilineal.¹⁰³

Hanya orang-orang yang mempunyai hubungan menurut garis keturunan bapa dan ibu yang mempunyai hak, secara kolektif, namun dalam mengambil keputusan-keputusan yang mengatur dan menentukan adalah lelaki saudara sekandung atau patriarhaat. Jika tanah tersebut merupakan hibah atau warisan daripada keluarga isteri, maka senarai nama yang tercatat pada sijil adalah nama isteri. Pada praktiknya, semasa sebelum tsunami pemberian hartabenda oleh ibu-bapa kepada anak perempuan yang menikah, tidak dilakukan secara tercatat ia cukup diketahui oleh ketua kampung mahupun ahli-ahli jawatankuasa tempatan.

Hal tersebut juga berlaku terhadap suami. Tanah yang dibeli oleh suami, baik sebelum menikah mahupun sesudah menikah, sebahagian besar menggunakan nama suami. Demikian juga tanah yang dibeli isteri sebelum dan sesudah menikah, sebahagian besar menggunakan nama isteri. Meskipun demikian, sebahagian kecil tanah yang dibeli suami atau isteri, baik sebelum atau sesudah menikah, dialihkan kepada pasangannya. Begitu juga dalam kedudukan antara suami isteri terhadap penguasaan tanah yang mereka peroleh selama berlangsungnya perkahwinan.

¹⁰³ B. Ter Haar. Bzn, *Beginselen En Stelsel Van Het Adatrecht*, 1939, hal 37-36

Tanah tersebut menjadi harta milik bersama dan manakala tanah itu dilakukan urusan urusanniaga, maka harus melalui dipersetujui oleh si isteri dan si suami. Juga ada yang berpendapat di sektor awam, wacana pertanahan ini mirip kepada atau menitikberatkan mengenai kuasa oleh kaum lelaki. Hal ini berhubungkait asasan kepada tanggapan bahawa pihak yang menerajui kuasa boleh berkompromi dengan keupayaan untuk mempengaruhi institusi moden yang sering kali dilandasi oleh pemikiran patriarkhi. Menurut pandangan anggota komuniti sebelum tsunami mengenai tanah yang telah ada sijil hakmilik, dokumen suratcara darihal catitera bertulis urusanniaga dan surat keterangan tanah, meskipun di dalam surat dokumen itu bertulis atas nama suami, hal ini tidak bermaksud bahawa tanah itu milik suami perseorangan.

Manakala suami berasal daripada luar dan bergabung ke dalam suatu ikatan kekeluargaan kerana proses periparan. Selain itu, seorang perempuan dapat pula memiliki tanah sendiri kalau diberikan secara langsung oleh orang tuanya atau warisan tunggal, atau berupa tanah peunulang, iaitu manakala ketika ia kawin dengan suaminya dahulu diberikan tanah oleh orang tua atau mertuanya. Terhadap tanah yang diperolehinya sebagaimana dihuraikan di atas, perempuan mempunyai hak penuh untuk mewariskannya kepada anak-anaknya pada kemudian hari. Selama tanah peunulang tidak dilakukan urusanniaga, isteri mempunyai hak utama untuk menentukan pengelolaan dan manfaatnya. Kedudukan dan peranan yang sama antara perempuan dan lelaki terlihat pula ketika terjadi kasus sengketa atau perselisihan atas tanah, isteri dan suami sama-sama menghadap ketua kampung untuk menyelesaikan kasus itu.

Oleh sebab perlindungan dan prosedur yang secara faraid, lelaki lebih dominan, ini juga menompang kepada peranan sentral daripada menurut garis matrilineal dan patrilineal hal ini dimiliki secara kolektif kedudukan perempuan dan lelaki pada dasarnya sama dan seimbang berkait dengan sistem adat. Keperluan dalam membuat keputusan yang mengatur dan menentukan adalah kaum lelaki yang tertua

daripada saudara kandungnya yang mempengaruhi tuntutan patriarkhi dan sistem kepemimpinan ini kerap tampil dalam kehidupan sehari-hari dan berlaku pada setiap musyawarah mufakat keluarga. Manakala peruntukan undang-undang yang merujuk kepada jurisprudens Mahkamah Agung No. 554K/SIP/1976, tarikh 26 haribulan June 1979 menyatakan:

“Berdasar fasal 19 peraturan pemerintah No. 10 Tahun 1961 setiap pemindahan hakmilik tanah harus dilakukan di hadapan pegawai dokumen tanah atau setidak-tidaknya di hadapan ketua kampung di mana tanah berada.”

Dalam hal ini golongan ahli waris bersesuaian dengan ketetapan undang-undang faraid dan nilai bahagian harta warisan bagi setiap ahli waris sesuai dengan syariah. Sukar untuk ditunjukkan sampai di mana proses pendaftaran tanah dengan pihak paling berhak ke atas tanah daripada unsur individu perseorangan harta pusaka menuju kepada pemulihan keseimbangan hak individu yang harus membuktikan bahawa individu pemohon hak merupakan ahli waris dan terhadap hak dipohon merupakan harta telah dibahagi-bahagi di antara ahli waris. Penerusan harta pusaka yang terdapat dalam keluarga, diakibatkan oleh sebab adanya perkahwinan sebagai dasar perolehan harta tanah suami-isteri, ini adalah bersesuaian bagi maksud untuk pembahagian harta pusaka sebelum tsunami. Kesemuannya tertakluk kepada undang-undang perkahwinan dan Kompilasi Hukum Islam fasal 171sub e menjelaskan:

“Bahawa makna harta warisan adalah sebagai harta bawaan ditambah bagian dari harta bersama setelah digunakan untuk keperluan pewaris selama sakit sampai meninggal dan membayar seluruh hutang-hutangnya.”

Dari definisi di atas samaada harta pusaka bersih, dan untuk penyediaan sesiapa sahaja yang berhak atas pentadbiran harta pusaka, ianya berkaitan dengan pembahagian harta pusaka ketika salah satu dari suami atau isteri meninggal dunia

pemulihan hak dengan penaipan borang tidak dapat membezakan mana harta bawaan dan harta bersama. Suatu asas sangat umum berlaku dalam undang-undang adat Indonesia, penerusan harta warisan yang berasal daripada warisan tetap menjadi milik salah seorang suami-isteri atau sanak saudara seperti ia dibawa kembali tempat asalnya.

Fasal 35(1) Undang-Undang No 1 Tahun 1974 tentang Perkahwinan, menjelaskan:

“Bahawa harta benda yang diperoleh selama perkawinan akan menjadi harta bersama. Adapun harta bawaan, tetap menjadi harta milik masing-masing suami dan isteri dan di bawah penguasaan masing-masing selama perkahwinan.”

Hal ini juga berlaku terhadap hartanah di mana mengakibatkan pemegang hartanah beserta keluarga saudara yang mempunyai pertalian darah hilang akibat gempa dan tsunami daripada terjadinya pembatasan milik atas tanah akibat daripada terikatnya pertalian sanak saudara bermula di pihak suami-isteri dan untuk menguasainya semestinya memerlukan persetujuan penetapan pembahagian sesama anggota keluarga itu.¹⁰⁴ Dalam satu keluarga, harta pusaka bukan sahaja berupa harta peninggalan dalam erti hartabenda yang selama ini dikumpulkan oleh suami dan isteri, tetapi adakalanya juga hartabenda bawaan.¹⁰⁵ Dalam fasal 35(2) Undang-Undang No. 1 Tahun 1974 tentang Perkahwinan menyatakan :

“Harta bawaan adalah harta benda yang diperoleh masing-masing suami dan isteri sebelum menikah, serta hadiah, hibah atau warisan yang diterima dari pihak ketiga selama perkahwinan.”

¹⁰⁴Dalam penghakiman Mahkamah Agung 9 November 1978, nombor 1448K/Sip/1974, menyatakan: semasa berlakunya undang-undang nombor 1 tahun 1974 hartabenda yang diperolehi semasa tempoh perkahwinan menjadi harta syarekat daripada harta bersama, sehingga pada masa terjadinya perceraian atau kematian harta bersama tersebut di bagi sama rata antara suami-isteri.

¹⁰⁵Hartabenda bawaan yang dikuasai oleh masing-masing suami-isteri diperolehi sebelum perkahwinan, pengiktirafannya dapat diperhitungkan sebagai harta warisan ini bermakna tanah yang telah diberikan kepada anak perempuan itu dibahagi-bahagi kepada ahli waris yang lain, melainkan tanah tersebut dianggap sepenuhnya sebagai harta warisan untuk anak perempuan itu. Syahrizal, *Hukum Adat dan Hukum Islam di Indonesia, Refleksi Terhadap Beberapa bentuk Integritas Hukum Dalam Bidang Kewarisan di Aceh*, Banda Aceh, Nadiya foundation, 2004, h. 267.

Kompilasi Hukum Islam, fasal 86 menyebutkan:

“Bahawa harta isteri tetap menjadi hak isteri dan dikuasai penuh olehnya, demikian juga harta suami tetap menjadi hak suami dan dikuasai penuh olehnya.”

Persoalan secara nyata adakah pegawai pentadbir tanah dapat menentukan kebenaran terhadap permohonan hak dalam pendaftaran tanah atas harta tanah yang dibahagi-bahagi itu. Ia adalah satu yang bercanggah disebabkan oleh tindakan pentadbir tanah tidak menyemak dan menerima segala keterangan dan salinan akuan sah dokumen mengandungi keterangan primer dan sekunder yang dikemukakan kepadanya. Suatu kesukaran yang penuh kesulitan tak dapat diselesaikan, manakala borang yang terpakai membuktikan dengan borang kesepakatan waris daripada pemohon hak. Untuk menyelesaikan perselisihan, waris perlu mengemukakan kepada ketua kampung dengan membawa saksi dan ahli jawatankuasa kampung yang mempunyai pengetahuan tentang kandungan undang-undang adat, undang-undang faraid Islam dan mengetahui sejarah pemilikan harta dan untuk menentukan bahagian masing-masing ahli waris memerlukan bantuan serta saranan mereka. Usaha penyelesaian secara damai pihak-pihak yang berkepentingan membuat penyelesaian atas pertanggungjawapan sendiri tanpa memerlukan penghakiman keputusan majistret.

5.4 Pewalian

Manakala anak yang ditinggalkan belum mencukupi umur untuk melakukan perbuatan undang-undang dan dalam keadaan di bawah orang tanggungan simati memiliki lot-lot tanah sebagai harta pusaka.¹⁰⁶ Hak atas tanah itu dilakukan pendaftaran tanah melalui pemulihan hak dengan mengikut cara penunjukkan wali sebagaimana disyaratkan dalam program pembinaan semula sistem pentadbiran tanah Aceh, wali diperlukan untuk menaipkan borang bukti kesepakatan pewalian dan mesti

¹⁰⁶Fasal 50(2) Undang-undang nombor 1 tahun 1974 tentang Perkahwinan dan Fasal 107(2) Kompilasi Hukum Islam, menyatakan bahawa perwalian mengandungi peribadi anak tertanggung dan hartabendanya.

ditandatangani oleh ketua dan ahli jawatankuasa kampung untuk selanjutnya disahkan oleh Mahkamah syariah. Untuk pengeluaran sijil hakmilik dan buku daftar tanah terhadap ahli waris masih di bawah umur, tetap atas namanya, tetapi pengelolaan tanah dilakukan oleh wali yang telah ditetapkan.¹⁰⁷

Undang-undang Indonesia menyatakan secara tidak langsung bahawa pewalihan hanya berlaku bagi anak yang kehilangan kedua-dua ibu bapanya, namun dalam kategori komuniti adat Aceh seorang wali biasanya lelaki yang berasal daripada keluarga pihak ayah yang pada umumnya pertanggungjawapan mewakili si anak dalam hal yang melibatkan undang-undang dan pengelolaan hartabenda si anak. Begitu juga manakala bapanya meninggal dunia. Pelantikan wali melibatkan proses secara adat manakala wali dikemukakan kepada ketua kampung dan mereka dilantik melalui upacara sederhana yang disenggarakan di surau atau tempat pertemuan kampung. Pelantikan ini dibuat secara kekeluargaan di mana pihak saudara isteri dan pihak saudara suami hadir dengan memberikan keterangan kedudukan hartabenda dan pengurusan si anak. Hasil daripada musyawarah pelantikan wali disiarkan kepada pihak anggota komuniti tentang pewalihan ini. Untuk memperoleh pengesahan Mahkamah syariah dalam program pemulihan hakmilik tanah berlangsung di luar mahkamah majistret dengan melakukan persidangan keliling dipejabat ketua kampung tidak dikenakan bayaran untuk memperolehi pengesahan. Persidangan singkat ini biasanya

¹⁰⁷Wali tidak semestinya merupakan individu perseorangan, tetapi boleh juga merupakan suatu badan undang-undang, Kompilasi Hukum Islam fasal 107(4) badan undang-undang ini dapat berupa: yayasan, lembaga pemerintah dan organisasi masyarakat. Armia Ibrahim memberikan pernyataan terhadap pewalihan yang tidak ada peruntukan-peruntukan dan sekatan secara terperinci dalam undang-undang. Ia menyatakan bahawa Baitul Mal yang terdapat dikampung dapat menjadikan badan undang-undang yang ditunjuk sebagai wali. Armia Ibrahim, *Perwalihan Anak Menurut Hukum Islam dan Hukum Positif*, makalah disampaikan dalam workshop Faraidh III yang diselenggarakan oleh yayasan lamjabat. Banda Aceh 8-10 April 2006.

melibatkan wali yang diusulkan dan saksi yang dapat memberikan keterangan tentang hubungan wali dengan anak orang tanggungan simati.¹⁰⁸

Namun demikian, harus dititikberatkan bahawa menurut undang-undang adat, anak yang di bawah tanggungan digolongkan sebagai kafalah, ini kerana faktor-faktor yang relevan dengan penentuan pertimbangan berkaitan pengasuhan utama biasanya akan merupakan pertanggungjawapan perempuan sanak keluarga terdekat, maka anak dalam tanggungan itu diberi pilihan untuk memilih walinya sendiri sebagai perwakilan dalam perbuatan-perbuatan kepentingan anak itu, daripada sanak keluarganya baik di pihak ibu atau di pihak bapa.¹⁰⁹ Persetujuan pewalian yang mendapatkan pengesahan daripada Mahkamah syariah ini hanya berlaku untuk proses pendaftaran tanah. Pelantikan dan penetapan wali dalam program pemulihan hakmilik tanah mempunyai tujuan spesifik dan terbatas kepada melaksanakan pendaftaran tanah. Ia hanya untuk kepentingan si anak yang menuntut hakmilik melalui pemilikan terhadap harta pusaka berkongsi sesuatu lot mana-mana bahagiannya dan setiap langkah prosiding pentadbiran bermula dengan musyawarah kesepakatan masyarakat, pengukuran dan pemetaan sempadan tanah yang bersempadan, penaipan borang, mendakwa bila perlu dan penerimaan sijil hakmilik tanah atas nama anak itu.

Seorang pemegang amanah atau seorang benefisiari, orang tanggungan simati tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan mengenai segala perbuatan dan hendaklah diketahui oleh sanak saudara yang mempunyai pertalian. Ia bermakna bagi

¹⁰⁸Keputusan Kepala Badan Pertanahan Nasional nombor 114-II-2005, tentang Manual Pendaftaran Tanah di Daerah Pasca Tsunami di Nanggroe Aceh Darussalam dan Sumatera Utara, h. 16-17.

¹⁰⁹Tgk. H. M. Daud Zamzamy, *Kedudukan Wali Perempuan Kajian Fiqh Klasik* makalah yang dipresentasikan dilokakarya Perwalian Anak yang diselenggarakan oleh Mahkamah Syariah Nanggroe Aceh Darussalam, Putroe Kande Foundation dan UNIFEM, Banda Aceh 9-11 September 2005.: Badruzzaman Ismail, Perempuan dianggap cakap undang-undang dan kuasa untuk bertindak sebagai ahli waris bagi anak-anak tertanggung, untuk mengurus dan memanfaatkan hartabendayang ditinggalkan suami untuk kepentingan si anak. Badruzzaman Ismail, *Wali Perempuan dari Aspek Hukum Adat di Propinsi Nanggroe Aceh Darussalam*, makalah disampaikan dalam lokakarya perwalian anak yang diselenggarakan secara bekerjasama antara Mahkamah Syariah Propinsi NAD-Yayasan Putroe Kande dan Unifem, Banda Aceh, 9-11 September 2005.

menghindari kesukaran yang berhak mendapat faedah atau mengikut mana-mana yang berkenaan terhadap persoalan pertikaian kolateral daripada golongan sanak saudaranya. Sampai sekarang ianya merupakan suatu kebiasaan yang berlaku dalam kehidupan sosial komuniti tindakan menurut keyakinan terdapat dalam lingkungan manakala masalah adanya pengangkatan pewalian diadakan secara musyawarah dalam keluarga sanak saudara yang dihadiri oleh ketua dan ahli-ahli jawatankuasa kampung yang secara kebiasaan dilakukan, sebagai pemberitahuan kepada komuniti telah terjadinya pewalian.

Pendaftaran tanah baru dapat dilakukan setelah borang ditandatangani oleh semua pihak yang relevan, wali pihak yang mewakili anak dalam tanggungan dan ahli waris sebagai simati harta yang sebelumnya sudah mendapat dipersetujui dan disahkan oleh ketua dan ahli-ahli jawatankuasa kampung dalam proses pendaftaran tanah di bawah program pemulihan hakmilik tanah yang berada di bawah kendali Jabatan Agensi Departement Pertanahan dan turutserta Mahkamah syariah. Selanjutnya yang menjadi masalah adakah pihak yang terlibat mempunyai matlamat untuk membuat persesuai kehendak di antara mereka dan yang kemudian menyatakan dalam suatu borang bersetuju untuk ditandatangani. Adakah tandatangan daripada pihak terlibat, ia merangkumi satu rangkaian undang-undang yang mensyaratkan sebagaimana dilakukan dan telah memiliki kekuatan undang-undang, sehingga menurut sifatnya dianggap mengikat dan melahirkan kewajipan undang-undang yang dipatuhi oleh pihak lain berkaitan tanah bermilik dalam pendaftaran tanah.

Untuk menentukan sah atau tidak pihak yang berkepentingan mengemukakan permohonan penetapan bukan ditentukan oleh sebab telah diketahui atau disahkan ketua dan ahli-ahli jawatankuasa kampung, tetapi isi kandungan harus memenuhi syarat formal.¹¹⁰ Surat borang kesepakatan pewarisan dan pewalian bukan

¹¹⁰Yurisprudensi Mahkamah Agung, tarikh 27-7-1974 No. 351 K/Sip/1973 dan Putusan Mahkamah Agung No. 11-6-1973 No. 106K/Sip/1973.

merupakan dokumen catatan bertulis yang mana ianya tidak perlu disahkan, sehingga dengan andaian merupakan suatu penegasan sah setelah diperlukan pengesahan, daripada ahli-ahli jawatankuasa dan ketua kampung dengan penyertaan seseorang Hakim Mahkamah syariah, kerana dapat ditafsirkan sebagai bertentangan dengan undang-undang. Dalam kes-kes sesuatu pengakuan berkenaan telah bersesama bersetuju bagi pembahagian harta pusaka adalah tidak relevan menjadi pertikaian undang-undang akan membawa kepada kekeliruan.

Ini boleh dijelaskan sebagai salah pentafsiran atas pihak-pihak yang mengesahkan surat borang walaupun diadakan persidangan pemeriksaan oleh satu hakim Mahkamah syariah yang di dampingi Setiausaha Majlis, tidak tertakluk di bawah bahagian undang-undang acara pemeriksaan persidangan singkat yang berlaku. Adalah tidak bersesuaian untuk memperuntukkan salah satu undang-undang acara sivil, dan telah melanggar tata-tertib dalam undang-undang acara, prosiding Majlis tidak menggunakan dan melaksanakan salinan limit-limit prosiding soalan dan jawapan dengan demikian pengesahan yang dilakukan sepatutnya dibatalkan. Kesannya adalah setiap surat borang bersesama bersetuju pembahagian harta pusaka tidak memenuhi formulasi karakter sifat *gugat volunter*, notis rayuan atas keputusan bersifat deklarator yang menyatakan suatu keadaan atau kedudukan seorang perayu dan tidak boleh menimbulkan hak atau menggugurkan hak orang lain.¹¹¹

Bentuk persetujuan dan pengesahan yang dilakukan ketua dan ahli jawatankuasa kampung bukan merupakan autoriti yurisdiksi objek undang-undang. Setakatmana maklumat diperolehi dan diterimapakai, mempengaruhi dan mempunyai nilai kekuatan undang-undang pembuktian dan berkekuatan eksekutorial, terhadap autoriti kekuasaan kualiti pewalian anak dalam melakukan perbuatan undang-undang lainnya. Mana-mana individu yang tunduk sebagai subjek undang-undang ke dalam

¹¹¹Putusan Mahkamah Agung tarikh 26 haribulan Pebruary 1987 No. 59 K/AG/1985.

kekuasaan penghakiman majestriet Agama/Mahkamah syariah dalam undang-undang No. 7 Tahun 1989, fasal 2, menyatakan:

“Majistret Agama merupakan salah satu pelaksanaan kekuasaan kehakiman bagi rakyat pencari keadilan yang beragama Islam mengenai perkara sivil tertentu yang diatur dalam undang-undang ini.”

Dan fasal 49(1), menyatakan:

“Majistret agama bertugas dan berautoriti memeriksa, memutus dan menyelesaikan perkara di peringkat pertama antara orang-orang yang beragama Islam, ... ”

Hal lain dengan adanya kesepakatan dalam borang sebagai salah satu syarat daripada perlindungan hak atas milikan anak berstatus yatim-piatu, pertikaian yang dikemukakan bertitik tolak daripada makna dipersetujui, kerana tidak memilik dasar undang-undang, padahal terhadap pewalian diperlukan keputusan penetapan daripada Mahkamah syariah, timbulnya makna kesepakatan manakala telah terjadi perselisihan atau bermaksud menyelesaikan pertikaian pewalian anak dengan pihak-pihak lain. Dengan demikian, kesepakatan tidak dapat mengintegrasikan sebagai orang tengah yang merupakan salah satu proses penyelesaian perlindungan hak ke atas tanah dalam pewalian dan pewarisan pemulihan hak. Manakala peruntukan borang kesepakatan yang digunakan sebagai proses dapat memberikan akses kepada para pihak untuk memperolehi keadilan. Dalam prosiding undang-undang harta pusaka mengenai kedudukan bahagian hartanah di antara ahli waris yang mempunyai hubungan kekeluargaan yang mempunyai pertalian darah, tidak dapat digolongkan dalam pertikaian milikan, walaubagaimanapun ianya dikuatkuasakan oleh keterangan saksi. Putusan penghakiman undang-undang Mahkamah syariah yang berlaku dalam pewalian dan pewarisan merupakan bentuk penetapan atas perkara permohonan yang diajukan ke

hadapannya dan berkaiterat dengan sifat corak volunteer notis rayuan permohonan dan berbagai-bagai asas yang terletak ekuivalensi dalam erti kata yang lebih luas.

Dalam borang kesepakatan ahli waris tidak menjelaskan rangkaian daripada beberapa hubungan undang-undang dan peristiwa dengan penegasan kedudukan, hubungan undang-undang disusul rangkaian status harta peninggalan dengan lebih lanjut kenyataan peristiwa pihak pemohon penetapan menguasai peninggalan itu, tetapi untuk menentukan batasan umum terhadap alasan-alasan rayuan agak sukar. Pada prinsipnya pihak-pihak ahli waris harus memberikan nama lengkap termasuk nama panggilan mahupun gelar serta alamat yang terang daripada masing-masing, kerana hal ini merupakan salah satu faktor penting syarat formal untuk mengelakan terjadinya *error in persona*. Perihal penetapan sebagai ahli waris dalam pengurusan harta pusaka maka haruslah ditarik dalam permohonan penetapan itu, agar dengan demikian tidaklah seorang ahli waris yang berkepentingan dalam harta pusaka itu dikecualikan daripada pembahagiannya.

Seorang janda tidak memiliki hak terhadap harta asal usul suami yang didapat sebelum melangsungkan perkahwinan kecuali secara bersesama bersetuju dengan pihak suami atas sebahagian yang diberikan kepada janda isteri itu, dalam keputusan Mahkamah Agung janda perempuan selalu merupakan ahli waris terhadap harta asal suami untuk keperluan hidupnya sampai ia meninggal dunia atau melangsungkan perkahwinan.¹¹² Standard undang-undang yang ditetapkan Mahkamah Agung di mana janda telah ditetapkan menjadi ahli waris golongan utama terhadap harta suami mempunyai kesan undang-undang yang merupakan terhalangnya kemungkinan ahli waris lain daripada pihak saudara-saudara suami untuk memperoleh warisan daripada harta asal tidak mendapat sebahagian sedikitpun terhadap harta pusaka suami.

¹¹²Putusan Mahkamah Agung 8 November 1960 nombor 302 K/Sip/1960 dan Putusan Mahkamah Agung 26 Oktober 1960 nombor 307 K/Sip/1960.

Dalam menghuraikan kedudukan janda yang telah hidup bersama dalam perkahwinan, suatu keadaan konkrit harus menjadi suatu pertimbangan isi yang mengandung nilai-nilai individualistik yang liberal dalam pewarisan untuk membuat kesepakatan dan menjadi kesahan manakala hartanah itu dikembalikan kepada pihak keluarga suami sendiri. Dalam hal seorang suami meninggal dunia dengan meninggalkan seorang janda tanpa anak sedang ada harta bersama, maka harta itu mesti dibagi antara sijanda yang mendapat sepertiga bahagian dan ahli waris daripada simati secara bersama-sama mendapat dua pertiga bahagian. Manakala terjadi halangan dalam penetapan ahli waris di mana janda daripada sipeninggal pusaka dianggap bukan ahli waris, dan untuk menghindarkan kesalahfahaman sebaiknya janda itu dan para anak daripada simati harta pusaka ditetapkan bersesama berhak atas harta warisan.¹¹³

Fakta-fakta yang menunjukkan adanya suatu keadaan daripada segi undang-undang yang berlaku dalam komuniti Aceh, terhadap ada sebahagian tertentu atau *furudhul muqaddarah* bagi seorang janda tanpa anak atau memiliki anak dan sebahagian yang lain akan menjadi sebahagian daripada pihak keluarga suami. Surat borang kesepakatan pembahagian waris yang ditawarkan oleh Jabatan Agensi Departement Pertanahan bukan merupakan sumber undang-undang dapat menetapkan standard undang-undang yang memiliki keterikatan alat bukti dan memberikan pengaruh terhadap pegawai pentadbir tanah mendaftarkan hak atas nama yang telah disepakati sebagai ahli waris. Analisis teoritis ciri dan asas *rayuan volunteer* secara sepihak hanya terdiri daripada *petitum* notis rayuan bersifat deklaratif sahaja,¹¹⁴ tidak ada pihak lain yang tertarik sebagai tergugat sebagai objek, tetapi pemohon boleh memasukan pihak lain dengan kedudukan bukan sebagai subjek yang berdiri sebagai pihak tergugat dan ciri lain tidak ditujukan untuk menyelesaikan suatu pertikaian, tujuan permohonan

¹¹³Jurisprudensi register nombor 130K/SIP/1957. Mahkamah Agung keputusan bertarikh 23-10-1957.

¹¹⁴Penghukuman berbentuk deklaratif, iaitu suatu pernyataan pendakwa berkedudukan sebagai ahli waris, tidak turut dimuatkan dalam penghakiman tentang penyerahan harta pusaka untuk dibahagi diantara ahli waris.

hanya untuk menetapkan suatu keadaan atau status tertentu dalam erti penetapan sebagai wali atau sebagai ahli waris bagi diri pemohon.

Hal ini hendaklah dilakukan dalam perbuatan penetapan suatu keadaan daripada status penetapan ahli waris tidak bermaksud menyelesaikan pertikaian ahli warisan dan pembahagian harta pusaka dengan pihak ahli waris lainnya. Sehubungan dengan asas kebenaran yang tercatat dalam keputusan penetapan hanya kebenaran sepihak yang bernilai untuk diri pemohon atau kebenaran tidak menjangkau orang lain dan mempunyai kekuatan mengikat penetapan hanya berlaku kepada diri pemohon juga tidak mengikat pihak lain. Kebolehterimaan dokumen yang dikehendaki sebagai peruntukan bagi mengakusaksi menafikan bukti dengan tidak mempunyai nilai kekuatan pembuktian kepada pihak mana pun kerana kekuatan mengikatnya terhadap orang lain tidak mempunyai daya undang-undang sekalipun keputusan telah memperoleh kekuatan undang-undang tetap dan tidak mempunyai kekuatan eksekutorial.¹¹⁵

Dalam keadaan prinsipnya tidak boleh mengarahkan terhadap semua hal atau keadaan dapat mengemukakan rayuan volunteer dan diharuskan berdasarkan ketetapan peraturan undang-undang. Bagi setiap kehakiman keputusan terhadap sesuatu yang menimbulkan hakmilik atau hak mewarisi sesuatu hartabenda tidak boleh dilakukan melalui rayuan volunteer, kerana telah melampaui kuasa pemohon. Setiap pihak yang merasa berkepentingan atau merasa keberatan atas dikemukakan dan diperiksa keputusan volunteer dapat mengemukakan perlawanan dengan tujuan untuk melumpuhkan kekuatan mengikat memutuskan penghakiman kepada fakta-fakta tentang apa sahaja yang yang dikemukakan sebagai rekod keterangan di dalamnya. Pengesahan atas borang sepakatan pewarisan dan penggangkatan pewalian di mana terlihat adanya penglibatan Mahkamah syariah bukan merupakan suatu notis rayuan permohonan

¹¹⁵Eksekutorial iaitu memiliki sifat memaksa dan sifat dari kaedah undang-undang menurut Sudikno Mertokusumo ada dua, iaitu kaedah undang-undang imperative dan fakultatif. Sifat imperative isinya perintah dan larangan sedangkan fakultatif isinya berkenaan. Sudikno Mertokusumo, 1999. op.cit., h. 31.

penetapan yang berbentuk *volunteer*, walaupun dibuat dalam menjawab soalan-soalan dalam pemeriksaan. Sebaliknya hal sedemikian jika dijalankan samaada tidak memenuhi syarat undang-undang acara, kerana dalam kesepakatan itu tidak menghuraikan pokok-pokok sistematik formulasi rayuan yang terdiri: pencantuman tarikh rayuan, pencantuman alamat seorang perayu, penetapan salinan nombor kad pengenalan, nama dan alamat pihak-pihak, penegasan pihak-pihak dalam permohonan, huraian dakwaan atau alasan-alasan permohonan dan perumusan hal-hal yang bersifat *assesor*.

Apa jua pernyataan yang dibuat oleh seseorang dalam suatu borang dan bermaksud memastikan fakta samaada pertanggungjawapan terhadap pengesahan terletak atas kebenaran secara deskripsi dokumen catatan bertulis, peristiwa dan pembuktian yang sesuai dengan yang ditetapkan dalam berita acara pemeriksaan untuk menghindari keingkaran dalam pengesahan yang dilakukan. Untuk kesahan dan keautentikan penetapan diperlukan berita acara persidangan pemeriksaan permohonan dianggap sah, rasmi dan bernilai tulen manakala ditandatangani oleh ketua Majlis hakim dan Setiausaha Majlis turutserta dalam pemeriksaan persidangan, hal ini dipandang daripada sudut hubungan undang-undang antara keputusan dan berita acara keduanya merupakan satu kesatuan yang tidak dapat dipisahkan sebagai sumber rujukan kes pengujian kebenaran pertimbangan.

5.5 Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di atas, jelas menunjukkan bahawa penglibatan ketua dan ahli-ahli jawatankuasa kampung tidak memudahkan proses pentadbiran pengiktirafan pindahmilik ke atas tanah yang memastikan berlaku hakmilik. Walaubagaimanapun kedudukan ketua dan ahli-ahli jawatankuasa kampung tidak dapat menilai kebenaran apa-apa fakta samaada dengan sendirinya atau berkaitan dengan fakta lain untuk menentukan mahupun mensabitkan keabsahan pewaris-pewaris dan

pewalian dihadapkan kepadanya. Selain daripada memerlukan acara pembuktian ke atas pihak untuk mengemukakan pengesahan dan penetapan pewalian bagi memastikan kewujudan atau ketidakwujudan fakta ia juga memerlukan keterangan bukti. Pihak yang membuat tuntutan atau dakwaan ke atas tanah perlu mengemukakan bukti atau keterangan yang menjadikan fakta status pemilikan atas tanah. Ukuran persetujuan sesama pewaris dalam proses pentadbiran pembahagian dan pengagihan harta tanah tidak memberikan kepastian undang-undang, kerana ia perlu dilakukan penyiasatan dan mengetahui waris-waris yang berpotensi untuk menerima dengan tiada waris yang bakal terhalang mahupun pecah amanah daripada harta tanah. Kewujudan aplikasi pengagihan harta kepada waris mesti melihat kepada kaedah pokok yang terpakai daripada waris-waris mengikut peringkat-peringkat kedudukan pewaris. (Lihat surah al-Nisa' ayat 7, ayat 11, ayat 12 dan ayat 176, surah al-Anfal ayat 75 dan surah al-Ahzab ayat 6).